

29/03/1997

Selangor tubuh lagi badan khas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Selangor akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi memastikan pemaju perumahan mematuhi garis panduan alam sekitar dan tidak menebang pokok serta menggondolkan bukit dengan sewenang-wenang.

Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau akan mengarahkan majlis, pejabat daerah serta jabatan kerajaan mengawasi kerja pembangunan di kawasan bukit.

"Semua projek dalam peringkat kelulusan atau sudah diluluskan akan diperiksa dengan teliti oleh jawatankuasa terbabit," katanya selepas melawat Bukit Antarabangsa, tapak pembangunan yang dibersihkan dan dijadikan teres oleh Ikatan Rapi Sdn Bhd.

Muhammad berkata, pemaju projek terbabit tidak menghiraukan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) supaya mematuhi peraturan mengenai alam sekitar yang dikeluarkan pada 12 Mac lalu.

Sambil menyifatkan pemaju terbabit ingkar dan tidak bertanggungjawab, beliau berkata, Ikatan Rapi gagal mematuhi enam fasa seperti disyaratkan dalam kelulusan yang dikeluarkan oleh MPAJ.

"Antaranya ialah menanam semula pokok dan kerja lanskap.

"Walaupun jururunding mereka sebelum ini mengemukakan jaminan, pemaju mengetepikan peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa.

"Arahan memberhentikan kerja yang dikeluarkan akan terus berkuatkuasa sehingga kerajaan negeri puas hati cadangan pemulihan dan penghijauan daripada pemaju berkenaan.

"Tindakan tegas ini sebagai amaran kerajaan negeri dan kami tidak akan bertolak ansur dengan segala usaha pembersihan tanah untuk pembangunan," katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor.

Arahan itu yang dikeluarkan Perdana Menteri dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu berikutan kebimbangannya terhadap kegiatan pembukaan hutan secara besar-besaran di Selangor.

Kelmarin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pihaknya percaya sekurang-kurangnya empat kawasan terbabit di Selangor termasuk satu kawasan yang bukitnya diratakan dan pokoknya ditebang.

(END)